

Integriti, UMP meterai MoU

Terokai peluang perkenal modul pengajian integriti dan governans atas talian

PEKAN

Institut Integriti Malaysia (Integriti) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU), antara lain membolehkan kedua-dua pihak menerokai peluang memperkenalkan modul pengajian integriti dan governans atas talian.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Integriti, Dr Ahmad Fadzi Ahmad Tajuddin berkata, ia sebahagian usaha bagi menyokong agenda pemupukan budaya berintegriti dan melahirkan rakyat Malaysia berintegriti tinggi.

"Perkara ini sedang diteliti oleh Integriti dan pengurusan UMP, di mana kami sedang mencari pendekatan terbaru bersifat kontemporari bagi mendukung usaha memupuk nilai-nilai integriti," katanya selepas majlis menandatangani MoU di kampus UMP, di sini, semalam.

Usaha itu akan dilaksanakan menerusi kerjasama dengan Pusat Governans dan Integriti (GIC), Fakulti Pengurusan Industri, UMP.

Bagi pihak Integriti, MoU ditandatangani oleh Ahmad Fadzi, manakala UMP diwakili oleh Naib Canselornya, Prof Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim.

Ahmad Fadzi menyifatkan majlis itu sebagai langkah penting ke arah memperkukuh usaha pemupukan dan pembudayaan nilai-nilai integriti.

Beliau berkata, Integriti dan UMP akan menjalankan penyelidikan bersama dalam mewujudkan organisasi berintegriti yang bebas dari segala bentuk rasuah dan penyalahgunaan kuasa serta penyelewengan secara berterusan.

"Integriti dan UMP juga akan mewujudkan persefahaman dan berkongsi pengalaman dalam aspek khidmat rundingan, latihan, pendidikan serta usaha-usaha peningkatan amalan etika dan integriti dengan berlandaskan undang-undang serta peraturan yang berkuat kuasa di Malaysia," katanya.

Menurutnya, MoU itu akan membolehkan Integriti dan UMP mewujudkan persefahaman serta Bersepakat untuk bekerjasama dalam menyemai dan membudayakan integriti sebagai amalan hidup dalam kalangan pegawai penadbir, staf akademik, para pelajar dan pihak-pihak berkepentingan UMP.

"Ini juga selari dengan output Integriti iaitu menggerakkan masyarakat pelbagai peringkat dalam memupuk nilai-nilai integriti," katanya.

Menurutnya, kerjasama menerusi MoU ini akan membolehkan kedua-dua

Integriti dan UMP bersepakat dan bekerjasama dalam menganjurkan bengkel, seminar, kolokium dan seumpamanya.

Sementara itu, Daing Nasir

menyifatkan kerjasama UMP dan Integriti sebagai langkah signifikan melahirkan persekitaran kukuh nilai-nilai integriti.

"UMP sejak penubuhan

menekankan nilai-nilai teras bagi melahirkan masyarakat berintegriti tinggi dan berdaya tahan. Justeru, majlis hari ini (semalam) sesuatu yang signifikan ke arah itu," katanya.



Daing Nasir (dua, kiri) dan Ahmad Fadzi (dua, kanan) bertukar-tukar dokumen MoU di Pekan, semalam.